

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	21 JULY 2017

Ismail Sabri selar Tun M

UM - 21/7/2017 P3.4

DUNGUN 20 Julai - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang masih lantang menentang kerajaan Barisan Nasional (BN) disifatkan seorang pemimpin yang tidak boleh menerima hakikat orang lain lebih hebat atau setaraf dengan beliau.

Ahli Majlis Tertinggi (MT), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu tetap menganggap dirinya yang terbaik berbanding pemimpin lain termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

“Dr. Mahathir tak boleh rendah daripada orang lain dan sebab itulah dia tak boleh terima Pak Lah (Tun Abdullah Ahmad Badawi) dan juga Datuk Seri Najib.

“Semua orang kena ikut dia (Dr. Mahathir) dan atas sebab itu juga dia nak jadi orang nombor satu dalam Pakatan Harapan,” katanya kepada pemberita selepas majlis Mesra Rakyat dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri Wilayah Ketengah di Ketengah Jaya, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Dr. Mahathir dalam satu sidang akhbar kelmarin bahawa beliau percaya kedudukannya dalam pakatan pembangkang adalah secara tidak rasmi sama



ISMAIL SABRI YAAKOB

seperti Perdana Menteri.

Menurutnya, beliau akan mempengerusikan mesyuarat Presiden pakatan pembangkang dan menjadi *top dog* dalam hierarki gabungan pembangkang itu.

Ismail Sabri berkata, kenyataan bekas Perdana Menteri itu sebenarnya memperlihatkan kedudukannya hanya sama taraf dengan Najib daripada skop politik sahaja, bukan dalam kerajaan.

“Memang dia (Dr. Mahathir) sama sebagai pemimpin dalam parti politik, itu saja. Dia juga sama dengan pemimpin politik lain termasuk Mohamad Sabu, tapi dalam kerajaan dia tidak setaraf (dengan Najib),” katanya.